

## **The Relationship between Learning Styles and Motivation towards Academic Achievement among Elementary School Students**

**Saraswathi A/P M.K. Raman Survey, Maizura Yasin**

Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Malaysia

Email: y\_maizura@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i1/20414> DOI:10.6007/IJARBSS/v14-i1/20414

*Published Date:* 07 January 2024

### **Abstrak**

Kajian ini mengaji hubungan antara hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan murid Sekolah rendah di Semenyih Hulu Langat. Seramai 152 responden terlibat dalam kajian ini, yang merangkumi campuran lelaki dan perempuan serta daripada latar belakang sosioekonomi yang berbeza. Responden ini dipilih dari Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Selangor. Kajian penyelidikan korelatif ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi untuk mencapai prestasi akademik dalam mata pelajaran teras oleh pelajar Tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Daerah Ulu Langat. Kaedah soal selidik digunakan dalam penyelidikan ini. Semua maklumat pembolehubah kajian dikumpul semasa berlakunya tiga domain penyelidikan gaya pembelajaran: gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik. Semasa mengkaji dua aspek motivasi pelajar ia difokuskan pada kategori intrinsik dan ekstrinsik. Kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan motivasi belajar dalam kalangan murid darjah 4 dan 5 Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih. Analisis kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan prestasi akademik pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih. Penyelidik mendapati tiada korelasi yang signifikan antara motivasi belajar dengan prestasi akademik dalam darjah 4 dan 5 di Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih. Semua pelajar memiliki gaya belajar yang berlainan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar memiliki dua gaya belajar. Kebanyakan pelajar menggunakan gaya belajar yang sesuai untuk beradaptasi dengan mata pelajaran yang mereka pelajari.

**Kata kunci:** Hubungan, Gaya pembelajaran, Pencapaian Akademik, Murid

### **Abstract**

This study investigates the relationship between Semenyih Hulu Langat primary school students' learning styles and motivation for academic accomplishment. Totally, 152

participants, which a mix of boys and girls from various socioeconomic backgrounds, participated in this study. These respondents were selected from Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Selangor. This correlative research study aims to explore the relationship between learning style and motivation to achieve academic performance in core subjects by Level 2 students at Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Ulu Langat District. The questionnaire method was used in this research. All study variable information was collected during the occurrence of three learning style research domains: visual, auditory and kinesthetics learning styles. When studying two aspects of student motivation, it is focused on intrinsic and extrinsic categories. This study at Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih demonstrates a substantial correlation between learning style and learning desire among students in grades 4 and 5. The results of the study's analysis indicate a strong relationship between students' learning preferences and their academic achievement at Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih. Academic achievement in grades 4 and 5 at Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih did not significantly correlate with learning motivation, according to research. Every learner has a unique way of learning. The study's findings also demonstrate that pupils have two different learning preferences. Most students adjust their learning style to fit the subject matter they are studying.

**Keywords:** Relationships, Learning Styles, Academic Achievement, Pupils

### **Pendahuluan**

Setiap manusia mempunyai keunikan dan potensi tersendiri dalam diri masing-masing. Menurut Honey dan Mumford (1992), pembelajaran yang sempurna dari persepektif psikologi iaitu satu proses yang boleh menonjolkan perkara yang baharu, sama ada dalam bentuk fizikal atau mental. Setiap manusia melalui proses pembelajaran secara formal dan tidak formal. Sekolah merupakan institusi pembelajaran secara formal kapada semua generasi muda yang bakal menjadi pelapis pentadbiran negara di masa hadapan. Oleh demikian, sekolah merupakan institusi yang penting dalam memainkan peranan bagi membentuk murid yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan bersahsiah bagi menghadapi cabaran dalam alam kerjaya dan kehidupan mereka di masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, sekolah memerlukan pendidikan yang holistik bagi memastikan kerjayaan dalam mendidik anak bangsa di masa hadapan. Guru memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan memenuhi Falsafah Pendidikan Negara dan kurikulum yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, menekankan kualiti pendidikan dengan memberi perhatian enam ciri murid untuk bersaing di peringkat global dengan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, identiti nasional, kemahiran memimpin, kemahiran dewibahasa serta etika dan kerohanian.

Semua ciri tersebut perlu dilengkapi dalam diri murid untuk menghadapi dunia sebenar yang mencabar. Semestinya ukuran bagi memastikan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran adalah penting bagi menentukan sejauhmana tahap kefahaman yang dimiliki oleh seseorang pelajar. Pencapaian murid dari segi akademik perlu diukur dari masa ke semasa sama ada secara formatif atau sumatif. Keberkesanannya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dikaitkan dengan tahap pencapaian akademik yang baik dan cemerlang. Sehingga tahun 2020, pencapaian murid sekolah rendah diukur melalui Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kini, pemansuhan UPSR menjadi tanda soal pelbagai pihak bagaimanakah murid akan dinilai di peringkat sekolah rendah. Sistem penilaian baharu iaitu Sistem Tahap Penguasaan (TP) digunakan memberi laluan kepada murid untuk menunjukkan potensi masing-masing dari

segi lisan, penulisan dan persembahan. Sistem pengukuran ini dikatakan lebih holistik bagi memperkembangan potensi dan bakat setiap murid.

Gaya pembelajaran aspek penting yang menjadi fokus murid dalam alam persekolahan. Secara umumnya, gaya pembelajaran ditakrifkan sebagai kaedah di mana pelajar melihat, memproses mentafsir, menyusun dan memikirkan maklumat (Anas et al. , 2021). Pelajar biasanya mempunyai cara pilihan mereka mengenal pasti, menyusun, dan menyimpan maklumat dengan cekap dan berkesan (Chou & Wang, 2000). Selain itu, motivasi juga sering dikaitkan dengan pencapaian akademik murid. Motivasi adalah antara elemen penting yang memberi kesan ke atas pencapaian murid (Chew Meng & Faridah Mydin, 2023). Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza dan tersendiri. Terdapat tiga jenis gaya pembelajaran iaitu visual, auditori dan kinestetik manakala motivasi intrinsik dan ekstrinsik digolongkan dalam konsep motivasi. Cara orang belajar digambarkan sebagai gaya pembelajaran (Singh, 2012). Pembelajaran ditakrifkan sebagai kebolehan pelajar mencari, merekod dan menyimpan maklumat supaya mudah diakses apabila diperlukan. Gaya pembelajaran juga ditakrifkan sebagai semangat dan tingkah laku komunikatif seseorang. Dalam kajian Peterson (1979) dan Steward (1981), gaya pembelajaran didefinisikan jenis pembelajaran yang dipilih oleh pelajar. Sesetengah pelajar ingin belajar berdikari tanpa diganggu oleh orang lain. Stewart dan Felicetti (1992) mengatakan gaya pembelajaran sebagai "persekitaran pendidikan di mana pelajar boleh mengatasi cabaran". Maka, gaya pembelajaran tertumpu kepada cara seseorang belajar dan bukannya apa yang diperlukan. Proses PdP yang dilaksanakan secara sistematik boleh mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar, meningkatkan kawalan ke atas pembelajaran bilik darjah, dan memudahkan kemajuan yang lebih berkesan. Guru mestilah menjadi suri teladan dalam pembangunan pendidikan seseorang pelajar. Pemberian ilmu yang dapat membangkitkan semangat pelajar untuk mengamalkan gaya yang lebih sempurna dapat membangkitkan semangat pelajar untuk mencapai pencapaian akademik yang bermotivasi tinggi. Guru mesti menentukan cara pelajar belajar dan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai untuk keberkesanannya maksimum. Pelajar akan berpeluang mengaplikasikan apa yang telah dipelajari berdasarkan pada gaya pembelajaran dan semangat motivasi mereka. Ringkasnya, gaya pembelajaran dan motivasi adalah komponen yang penting dalam proses pembelajaran dan pembelajaran murid di sekolah yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.

### Pernyataan Masalah

Prestasi akademik pelajar merupakan salah satu faktor terpenting dalam pendidikan. Menurut Steinmayr et al. (2015), prestasi akademik merujuk kepada sejauh mana murid telah memperolehi pengetahuan terancang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian kurikulum. Keutamaan diberikan kepada prestasi khusus dalam mata pelajaran teras, terutamanya di peringkat rendah. Murid dilihat sebagai tulang belakang negara menuju kegemilangan masa depan. Murid hanya boleh mencari kecemerlangan akademik dengan mengaplikasikan gaya pembelajaran yang betul. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa gaya pembelajaran yang lemah pastinya dicerminkan dalam prestasi akademik yang lemah.

Kebanyakan kajian yang menyiasat hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi untuk belajar dan prestasi akademik telah dijalankan di peringkat sekolah menengah dan kolej. Menurut Kaviza (2019), gaya pembelajaran dan prestasi mata pelajaran dikaitkan. Terdapat juga pelbagai kajian yang menunjukkan mengapa pelajar berprestasi lemah dan ini disebabkan oleh cara mereka belajar, pendekatan guru terhadap pelajaran, dan sikap pelajar sendiri (Muhamad Shafiq & Noraini, 2018). Imej diri adalah sangat penting bagi seseorang

murid untuk berfikir secara positif dan menjalani setiap hari dengan pelbagai situasi. Imej tersebut dikatakan terbentuk apabila murid dapat berjaya dalam akademik. Oleh itu, gaya pembelajaran yang betul adalah faktor utama kepada kejayaan seseorang pelajar (Farah Wazera & Mohammad Mujahed, 2021).

Kebanyakan pelajar bergelut untuk mencapai kecemerlangan, terutamanya dalam mata pelajaran teras, disebabkan oleh gaya pembelajaran yang tidak mencukupi dan kekurangan motivasi dan minat terhadap perkara tersebut. Isu ini dapat dikenalpasti ketika murid belajar di rumah melalui ‘meet’. Pdpr seperti ini berlaku pada masa pandemik COVID-19. Bilangan murid yang tidak menguasai tahap penguasaan yang baik dalam Keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak memuaskan berbanding selepas pembukaan sekolah dan PBD bersemuka. Keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi tahun 2021 murid sekolah rendah di sebuah sekolah rendah di Semenyih sungguh menyedihkan kerana motivasi murid dalam proses pembelajaran sangat kurang dan gaya pembelajaran yang tidak sesuai. Segelintir murid tidak dapat menguasai tahap penguasaan 4 ke atas. Berikut adalah keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi tahun 2022 murid sekolah rendah di sebuah sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat (Rajah 1).

**Tahap Penguasaan Murid sehingga 10 Disember 2022**  
**Analisis TP Tahun 5**

SUBJEK	JUMLAH MURID	TP1	TP2	JUMLAH	%	TP3	TP4	TP5	TP6	TD	JUMLAH	%
<b>BM</b>	131	0	0	0	0	17	38	57	15	4	127	96.9
<b>BI</b>	131	0	0	0	0	20	45	50	12	4	127	96.9
<b>MT</b>	131	0	0	0	0	22	56	42	7	4	127	96.9
<b>SN</b>	131	0	0	0	0	22	56	42	7	4	127	96.9

**Tahap Penguasaan Murid sehingga 10 Disember 2022**  
**Analisis TP Tahun 4**

SUBJEK	JUMLAH MURID	TP1	TP2	JUMLAH	%	TP3	TP4	TP5	TP6	TD	JUMLAH	%
<b>BM</b>	124	0	0	0	0	11	38	51	21	3	121	97.6
<b>BI</b>	124	0	1	1	0.81	11	61	36	12	3	120	96.7
<b>MT</b>	124	0	2	2	1.61	21	65	30	3	3	119	95.9
<b>SN</b>	124	0	2	2	1.61	24	65	30	3	3	119	95.9

**Rajah 1.** Tahap penguasaan murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah bagi tahun 2022

Masalah dalam kemerosotan pencapaian akademik berpunca daripada gaya pembelajaran yang tidak sepadan dalam kaedah pembelajaran dan kekurangan motivasi. Berikut itu, penyelidik ingin menganalisis hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi terhadap pencapaian akademik di kalangan murid sekolah rendah.

### Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti gaya pembelajaran, tahap motivasi dan tahap pencapaian akademik dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat.

2. Mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran dengan tahap motivasi belajar dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat berdasarkan jantina, bangsa dan status sosial ekonomi.
3. Mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat berdasarkan jantina, bangsa dan status sosial ekonomi.
4. Mengenal pasti hubungan antara motivasi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat berdasarkan jantina, bangsa dan status sosial ekonomi.

**Persoalan Kajian**

1. Apakah gaya pembelajaran, tahap motivasi dan tahap pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?
2. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran murid dengan motivasi dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?
3. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran murid dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?
4. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?

**Sorotan Kajian****Gaya pembelajaran**

Gaya pembelajaran ialah gaya yang pelajar pilih untuk belajar, dan pelajar biasanya memilih gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka. Gaya pembelajaran ialah konsep yang lebih menekankan cara pelajar belajar berbanding apa yang pelajar pelajari (Mahmud, 2021). Sebagai contoh, Atira suka mempelajari sesuatu dengan menggunakan gaya pembelajaran kinestetik dan dia akan berasa sangat meriah jika gurunya menggunakan gaya pengajaran berupa eksperimen. Manakala Farhan yang pemalu lebih suka gaya pembelajaran visual iaitu dia akan lebih peka jika gurunya memberi latihan berbentuk edaran.

Terdapat dua model gaya pembelajaran, model gaya pembelajaran Honey dan Mumford (1992) dan model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978). Menurut Honey dan Mumford (1992), pembelajaran berlaku apabila manusia dapat menunjukkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pengetahuan, persepsi atau keupayaan. Keperluan ini termasuk keperluan untuk mengingati, keperluan untuk membuat keputusan, dan keperluan untuk bertindak.

Mengikut Dunn dan Dunn (1978), banyak individu menggunakan cara yang unik untuk mempelajari sesuatu. Beliau juga turut mengatakan bahawa keinginan seseorang itu terhadap pembelajaran juga penting. Dunn dan Dunn juga berpendapat bahawa faktor-faktor seperti faktor persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar.

Menurut Nadia (2021), dalam mata pelajaran sains, minat dan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran tersebut dapat dipupuk melalui gaya pembelajaran kolaboratif. Sememangnya, kemahiran komunikasi dan interaksi, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kerja berpasukan secara tidak langsung dapat diterapkan dalam amalan gaya pembelajaran ini.

**Model Gaya Pembelajaran VAK**

Gaya pembelajaran VAK (Fernald et al., 1920) terdiri daripada tiga aspek: visual (penglihatan), auditori (pendengaran), dan kinestetik (pergerakan). Mengikut model gaya pembelajaran VAK, kebanyakan pelajar mempunyai gaya pembelajaran dominan yang mengutamakan satu gaya pembelajaran dalam pengajian mereka. Malah, sesetengah pelajar menggunakan gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik yang berbeza untuk menstabilkan pembelajaran mereka.

Pada tahun 2001, Neil Fleming mencipta model gaya pembelajaran VAK. Kemas kini ini juga termasuk gaya pembelajaran membaca. Dengan kaedah pembelajaran ini, pelajar menghafal nota yang telah dipelajari dan mengulang mengikut pemahaman mereka.

Gaya pembelajaran visual ialah gaya pembelajaran dengan melihat. Gaya pembelajaran ini menjelaskan mengapa pelajar dengan gaya pembelajaran visual lebih mudah memahami apabila ia dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah dan rajah. Pelajar membaca ayat dan perenggan untuk menghafal dan memahami arahan. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran visual lebih suka buku nota yang diterbitkan semula dalam warna kegemaran mereka dengan bahan pengajaran seperti graf, carta dan imej. Menurut Nilai Cahya Ritongga (2021), gaya pembelajaran visual merupakan gaya pembelajaran yang sangat popular dalam kalangan pelajar dalam bidang pendidikan. Sesungguhnya bidang kepakaran mereka lebih berkait rapat dengan model ini.

Gaya pembelajaran auditori ialah gaya pembelajaran dengan mendengar. Pelajar dengan gaya pembelajaran auditori belajar dengan mendengar syarahan dan arahan lisan. Murid jenis ini boleh menguatkan ingatan dengan mendengar semula rakaman dan belajar dalam kumpulan. Menurut Shiao Ching dan Tahar (2021), penggunaan buku audio membolehkan guru PPKI melibatkan murid-murid masalah pembelajaran dengan teks buku audio sungguhpun berupaya membantu meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid-murid masalah pembelajaran. Dengan timbulnya minat terhadap membaca, dapat membantu menjana kreativiti murid.

Gaya pembelajaran kinestetik merupakan gaya belajar melalui kemahiran psikomotor dan pergerakan badan. Murid yang memiliki gaya pembelajaran kinestetik ini lebih suka belajar secara fizikal dan mereka sentiasa aktif. Kebanyakan penyelidik mengatakan bahawa terdapat sedikit pengesahan yang membuktikan pendapat mereka yang mengarahkan murid mengamalkan gaya pembelajaran pilihan. Sebagai kesimpulan, murid jenis belajar dengan bergerak lebih bermanfaat dari segi perolehan ilmu (Kendra Cherry, 2019).

**Motivasi**

Motivasi merupakan semangat di dalam diri seseorang yang dilabelkan sebagai sokongan dalaman untuk mencapai sesuatu objektif. Motivasi merupakan satu set konstruk teori yang cuba menjelaskan sebab-sebab di sebalik pemilihan tindakan khusus dan pelaksanaan pada peringkat seterusnya (Chew Meng & Faridah Mydin, 2023). Dalam dunia pendidikan, faktor motivasi menjadi komponen penting dalam menentukan hasil titik peluh seseorang murid. Motivasi belajar berkait rapat antara satu sama lain dengan hasil belajar sesuatu mata pelajaran. Maka, murid yang bermotivasi belajar yang tinggi akan membawa pencapaian akademik yang cemerlang berbanding murid yang bermotivasi belajar yang rendah (Maryam, 2016).

Menurut Irma et al. (2021), pelajar sekolah rendah sangat bermotivasi untuk belajar bahasa Melayu dalam talian semasa PKP. Kajian juga mendapati motivasi pelajar mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian tidak dipengaruhi oleh faktor jantina atau

sosioekonomi keluarga. Menurut Rumhadi (2017), motivasi belajar boleh mengembangkan kemahiran dan keinginan inisiatif seseorang murid untuk mencapai tujuan dan keinginan untuk belajar. Terdapat beberapa cara untuk mengukuhkan motivasi belajar di kalangan murid seperti pemberian hadiah dan memberikan pujian. Seseorang murid akan menuntut dengan baik jika ada motivasi untuk belajar. Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Kedua-dua berperanan penting dalam meningkatkan semangat seseorang murid untuk belajar.

Impian kerajaan untuk mengurangkan jurang pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah memberikan pendidikan kepada semua rakyat malaysia tanpa mengira taraf sosio ekonomi mereka. Bagi mengurangkan keciciran di sekolah-sekolah Malaysia, motivasi memainkan peranan penting dalam memotivasi pelajar untuk belajar dan mencapai prestasi yang baik (Zakari et al., 2022).

Menurut Wan Naliza Wan Jaafar (2020), gred yang lemah dalam mata pelajaran matematik bermakna penglibatan pelajar dalam STEM kurang digalakkan. Analisis korelasi kajian Pearson menunjukkan bahawa tahap motivasi matematik mempunyai kesan yang sederhana terhadap pencapaian matematik pelajar.

### **Teori Motivasi Intrinsik**

Motivasi intrinsik didefinisikan sebagai pemberian ganjaran secara peribadi. Seseorang individu melakukan aktiviti untuk kepentingan diri sendiri daripada kemahuannya untuk ganjaran dari luar. Tingkah laku individu tersebut dimotivasi oleh kemauan internal untuk mengambil bahagian dalam aktiviti demi kepentingannya sendiri. Kesimpulannya, tingkah laku itu sendiri adalah ganjarannya sendiri.

Tafsiran-tafsiran dalam motivasi intrinsik iaitu kegemaran, kemahiran, ikhtiar dan nilai dapat meningkatkan motivasi intrinsik yang lebih berkesan dalam kalangan murid. Elemen-elemen ini sangat penting untuk seseorang murid yang terlibat dalam proses membanding, membeza, menilai dan sebagainya (Kaviza, 2019). Menurut Kendra Cherry (2019), motivasi intrinsik salah satu komponen penting dalam dunia pendidikan. Penyelidik mendapati bahawa murid akan lebih kreatif jika bermotivasi secara intrinsik. Menurut Ganesan dan Wan Mohammad (2021), motivasi intrinsik boleh menolong seseorang murid menguasai bahasa Melayu dengan cara yang berkesan. Motivasi intrinsik, iaitu kehendak dan kepuasaan yang terdapat dalam diri seseorang tanpa faktor luaran dalam memahami sesuatu bahasa jelas dilihat dalam kajian ini.

### **Teori Motivasi Ekstrinsik**

Motivasi untuk bertingkah laku dan aktiviti bertujuan memperoleh ganjaran atau elak daripada hukuman didefinisikan sebagai motivasi ekstrinsik. Biasanya tingkah laku sebegini disokong oleh kehendak bagi mendapatkan ganjaran dan mengelakkan hukuman. Individu yang terlibat dalam motivasi ekstrinsik bukan sekadar untuk menikmati keperluan malah bertujuan mendapatkan balasan atau mengelakkan keadaan yang tidak selesa.

Menurut kajian daripada Ganesan dan Wan Mohammad (2021), murid India iaitu responden dalam kajian mereka bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu apabila ditawarkan ganjaran, pujian atau hadiah ketika pdp bahasa Melayu di dalam kelas. Ini adalah kerana faktor luaran seperti ganjaran dan pujian yang berpuncu daripada motivasi ekstrinsik.

### **Pencapaian akademik**

Prestasi akademik pelajar merujuk kepada semua inisiatif yang diambil oleh pelajar untuk mencapai kejayaan dengan mengambil beberapa langkah untuk mencapai matlamat

(Omardin, 1996). Pada asalnya, kecemerlangan akademik merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan kewangan, proses pembelajaran dan pengajaran, penggunaan pusat sumber, aktiviti perkembangan staf, pentaksiran, peperiksaan dan aktiviti lain yang berkaitan di sekolah. Sehubungan itu, pengetua bertanggungjawab menyelia semua aktiviti berkaitan pengajaran, pengendalian bilik darjah, penggunaan buku teks, kemudahan makmal komputer, dan kewangan bagi mencapai visi dan misi sekolah.

Menurut Nora'Azian dan Fadzillah (2018), gred yang dicapai oleh murid dalam ujian atau peperiksaan umum dikategorikan sebagai pencapaian akademik. Selain itu, beberapa kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar ialah hasil kaedah pembelajaran, kaedah pengajaran guru dan sikap pelajar sendiri (Muhammad Shafiq & Noraini, 2018). Para pendidik semakin terlibat dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

### **Pentaksiran bilik darjah**

Penilaian berterusan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bilik darjah ditakrif penilaian bilik darjah (PBD). Usaha ini bertujuan untuk mengemaskini maklumat tentang prestasi pelajar dari semasa ke semasa. PBD ini amat penting untuk guru mengesan perkembangan keseluruhan dari segi kemahiran mendengar, membaca dan menulis pelajar mereka apabila ujian bertulis tidak dapat mengukur kemahiran ini secara individu. Selain itu, kekuatan dan kelemahan murid dapat dikenalpasti melalui PBD ini. Pada masa yang sama, guru dapat mengetahui keberkesanan kaedah pengajaran mereka dan dapat merancang serta mengubahsuai kaedah tersebut jika tidak berkesan. Akhir sekali, guru dapat mengambil tindakan susulan berikutan kelemahan dalam pdp. PBD ini dilaksanakan sepanjang pdp secara berterusan sepanjang tahun. Ia dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan. PBD dilaporkan dua tahun sekali dalam templat pelaporan dalam fail excel yang disediakan oleh pihak sekolah. Tahap penguasaan yang diisi adalah berdasarkan pada 6 tahap penguasaan di mana 6 di aras paling tinggi dan 1 pada aras paling bawah.

### **Methodologi Kajian**

Kajian korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran Tahap 2 dengan motivasi pencapaian akademik dalam mata pelajaran teras. Kajian tinjauan ini digunakan untuk mengumpul fakta dan data sebenar untuk meneroka hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi pelajar berhubung dengan pencapaian pelajar di Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih di Daerah Hulu Langat. Data yang dikumpul menepati keperluan kajian ini. Dalam kajian ini kaedah soal selidik telah digunakan. Semua maklumat boleh diambil kajian dikumpul pada masa kejadian. Kaedah tinjauan adalah kaedah yang paling mudah dan menjimatkan masa. Data boleh dikumpul dalam masa yang singkat. Data dan hasil yang dikumpul daripada kajian ini boleh memberikan maklumat bagi membantu mencapai objektif kajian.

### **Populasi dan Persampelan Kajian**

Murid-murid tahap 2 iaitu daripada murid tahun 4 dan 5 dari Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih merupakan populasi tersebut. Ini merupakan deskriptif kajian kes di mana deskriptif hanya fokus pada kes di sekolah tersebut sahaja. Jumlah populasi kajian adalah seramai 261 orang murid. Sampel kajian dipilih secara rawak daripada populasi tersebut berdasarkan pada teknik persampelan Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 152 orang

murid. Sampel kajian ini terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina. Krejcie dan Morgan digunakan dalam kajian ini untuk menentukan saiz sampel. Ia membantu secara berkesan menentukan bilangan sampel yang diperlukan untuk mewakili populasi. Dengan bilangan 261, darjah ketepatan adalah 0.01, di bawah pengiraan berdasarkan formula dan jadual Krejcie dan Morgan.

### **Instrumen Kajian**

Dua jenis instrumen telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Kedua-dua alat ini ialah Perceptual Learning Style Preference Questionnaire (PLSQ) oleh Reid (1984) dan Student Work Preference Inventory (SWPI) oleh Amabile (1987). Kedua-dua instrumen digunakan sebagai alat dalam kajian ini. Nilai Cronbach yang ditetapkan untuk kedua-dua instrumen dalam kajian ini ialah 0.806. Penyelidik mendapat kebenaran daripada pengeluar peranti tersebut. Set soal selidik untuk kajian ini terdiri daripada tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Dalam bahagian A, soal selidik berkenaan data peribadi responden. Bahagian A mengandungi soalan tentang latar belakang responden seperti jantina, umur, darjah, agama dan bangsa. Responden hendaklah melengkapkan ruangan maklumat yang diperlukan. Maklumat ini digunakan untuk pengelasan sampel semasa analisis data. Bahagian B mengandungi 30 item untuk mengenal pasti jenis gaya pembelajaran pelajar. Skala Likert Lima Mata iaitu "Sangat Setuju", "Setuju", "Tidak Pasti", "Tidak Setuju" dan "Sangat Tidak Setuju" diaplikasikan sebagai pengukuran soal selidik ini. Setiap pernyaan yang diberi ditandakan oleh responden berdasarkan pada Skala Likert Lima Mata.

Bahagian C mengandungi 30 item untuk mengenal pasti jenis motivasi pelajar. Terdapat beberapa faktor dalam jenis motivasi yang mempengaruhi motivasi pelajar. Skala Ordinal Empat Mata iaitu "Tidak Pernah", "Kadang-Kadang", "Selalu" dan "Sangat Selalu" diaplikasikan sebagai pengukuran soal selidik bahagian C. Setiap pernyataan yang diberi ditandakan oleh responden berdasarkan pada Skala Ordinal Empat Mata.

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Nilai alpha Cronbach lebih daripada 0.80 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Alat pengukur mempunyai kestabilan tertentu kerana kebolehpercayaannya yang tinggi. Instrumen turut boleh dipercayai memberikan hasil yang tepat. Keberkesanan tinjauan diukur menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dan skor keseluruhan. Ini dilakukan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor item individu dan skor keseluruhan, bergantung pada tetapan yang terlibat. Nunally dan Bernstein (1994) menyatakan bahawa nilai korelasi antara item dengan jumlah skor melebihi 0.25 dianggap tinggi.

Keberkesanan penyiasatan dilakukan untuk memastikan penyiasatan memenuhi objektifnya. Kajian ini mendapat rujukan dan maklum balas daripada pensyarah berpengalaman untuk menilai kerelevan kategori tersebut. Kriteria kesahan ini penting bagi memastikan soal selidik mengukur tujuan dan kandungan kajian. Sebelum kajian sebenar dilakukan, penyelidik terlebih dahulu melakukan kajian rintis. Kajian rintis ini dijalankan untuk membantu penyelidik mengenal pasti kebolehlaksanaan atau perkaitan penyelidikan yang dijalankan di hari kejadian dan untuk meningkatkan kesahan instrumen kajian. Maklum balas daripada kajian rintis dapat membantu penyelidik memperbaiki kesilapan dalam instrumen kajian dan mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab item soal selidik. Responden kajian rintis melibatkan pelajar dari kelas lain yang tidak terlibat dalam kajian sebenar tetapi

di lokasi yang sama. Penyelidik menjalankan ujian rintis kepada 30 orang murid tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih.

Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengesahkan keputusan peralatan yang diuji untuk kebolehpercayaan. Sebelum memulakan projek rintis ini, pengkaji telah mendapatkan kelulusan rasmi daripada pengetua sekolah berkenaan dan mendapatkan kerjasama daripada guru kelas pelajar terpilih. Hasil daripada ujian rintis, penyelidik mendapati responden dapat memahami soalan tinjauan yang diberikan. Responden dapat membaca setiap soalan dengan jelas dan tanpa kekeliruan. Penyelidik memperoleh jawapan ini melalui perbincangan dengan responden semasa ujian dan selepas ujian. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan adalah mencukupi dan munasabah.

### **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

#### **Latar Belakang Responden**

Latar belakang 152 responden dalam tinjauan ini digambarkan menggunakan jadual taburan kekerapan dan peratusan. Latar belakang responden termasuk demografi seperti jantina, umur, kelas, agama, bangsa, status sosioekonomi (SES), dan pencapaian pendidikan, dan demografi dianalisis mengikut kekerapan dan peratusan. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Sebanyak 71 peserta kajian, bersamaan 46.7% adalah lelaki dan 81 peserta kajian, bersamaan dengan 53.3% adalah perempuan.

Jadual 1

*Taburan responden mengikut jantina*

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lelaki	71	46.7
Perempuan	81	53.3
Jumlah	152	100

Jadual 2 dan 3 menunjukkan taburan responden mengikut umur dan darjah masing-masing. Seramai 69 (45.4%) daripada responden adalah berumur 10 tahun dan dari kelas tahun 4 manakala 83 (54.6%) adalah berumur 11 tahun dan dari kelas tahun 5.

Jadual 2

*Taburan responden mengikut umur*

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
10 tahun	69	45.4
11 tahun	83	54.6
Jumlah	152	100

Jadual 3

*Taburan responden mengikut kelas*

<b>Darjah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
5	69	45.4
6	83	54.6
Jumlah	152	100

Jadual 4 menunjukkan 144 orang responden (94.7%) beragama Islam, 6 orang responden (3.9%) bergama Hindu manakala 2 orang responden (1.3%) beragama lain-lain.

**Jadual 4***Taburan responden mengikut agama*

<b>Agama</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Islam	144	94.7
Hindu	6	3.9
Lain-lain	2	1.3
Jumlah	152	100

Jadual 5 menunjukkan 144 orang responden (94.7%) berbangsa Melayu, 6 orang responden (3.9%) berbangsa India, manakala 2 orang responden (1.3%) adalah berbangsa Kadazanduzun.

**Jadual 5***Taburan responden mengikut bangsa*

<b>Bangsa</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Melayu	144	94.7
India	6	3.9
Kadazanduzun	2	1.3
Jumlah	152	100

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut status sosio ekonomi. Sebanyak 130 orang responden kajian bersamaan 85.5% adalah dari kategori B40. Seramai 18 orang responden kajian bersamaan 11.8% adalah dari kategori B40 manakala 4 orang responden kajian bersamaan 2.6% adalah dari kategori T20.

**Jadual 6***Taburan responden mengikut SES*

<b>SES</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
B40	18	11.8
M40	130	85.5
T20	4	2.6
Jumlah	152	100

**Pencapaian Akademik Responden**

Jadual taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk menghuraikan pencapaian akademik bagi 152 orang responden dalam kajian ini. Pencapaian empat mata pelajaran teras difokuskan dalam kajian ini. Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut pencapaian akademik dalam bahasa Melayu. Dalam pentaksiran Bahasa Melayu, pencapaian yang paling tinggi adalah TP4 iaitu terdiri daripada 72 orang responden kajian bersamaan 47.4%. Ianya diikuti oleh TP 5 iaitu seramai 59 orang responden kajian bersamaan 38.8%. Seterusnya, sebanyak 16 responden (10.5%) mendapat TP3, 3 responden (2%) mendapat TP6, dan akhirnya 2 responden (1.3%) mendapat TP2.

Jadual 7

*Taburan pencapaian responden dalam bahasa Melayu*

Tahap penguasaan Bahasa Melayu (TP)	Kekerapan	Peratusan (%)
1	0	0
2	2	1.3
3	16	10.5
4	72	47.4
5	59	38.8
6	3	2.0
Jumlah	152	100

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut pencapaian akademik dalam bahasa Inggeris. Dalam pentaksiran Bahasa Inggeris, pencapaian yang paling tinggi adalah TP4 iaitu terdiri daripada 59 orang responden kajian bersamaan 38.8%. Ianya diikuti oleh TP5 iaitu seramai 57 orang responden kajian bersamaan 37.5%. Seterusnya, sebanyak 26 responden (17.1%) mendapat TP3, 7 responden (4.6%) mendapat TP6, dan akhirnya 3 responden (2%) mendapat TP2.

Jadual 8

*Taburan pencapaian responden dalam bahasa Inggeris*

Tahap penguasaan Bahasa Inggeris (TP)	Kekerapan	Peratusan (%)
1	0	0
2	3	2
3	26	17.1
4	59	38.8
5	57	37.5
6	7	4.6
Jumlah	152	100

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut pencapaian akademik dalam Matematik. Dalam pentaksiran Matematik, sebanyak 75 responden (49.3%) mendapat TP4 dan ia merupakan pencapaian tertinggi dalam mata pelajaran tersebut. Diikuti oleh 43 responden (28.3%) mendapat TP3, 28 responden (18.4%) mendapat TP5, 4 responden (2.6%) mendapat TP2 dan akhirnya 2 responden (1.3%) mendapat TP6.

## Jadual 9

*Taburan pencapaian responden dalam Matematik*

Tahap Matematik (TP)	penguasaan	Kekerapan	Peratusan (%)
1	0	0	0
2	4	4	2.6
3	43	43	28.3
4	75	75	49.3
5	28	28	18.4
6	2	2	1.3
Jumlah	152	152	100

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut pencapaian akademik dalam mata pelajaran Sains. Dalam pentaksiran mata pelajaran Sains, pencapaian yang paling tinggi adalah TP 4 iaitu terdiri daripada 83 orang responden kajian bersamaan 54.6%. Ianya diikuti oleh TP 3 dan TP 5 iaitu masing-masing seramai 31 orang responden kajian bersamaan 20.4%. Seterusnya, sebanyak 6 responden (3.9%) mendapat TP6, dan akhirnya 1 responden (0.7%) mendapat TP2.

## Jadual 10

*Taburan pencapaian responden dalam Sains*

Tahap penguasaan Sains (TP)	Kekerapan	Peratusan (%)
1	0	0
2	1	0.7
3	31	20.4
4	83	54.6
5	31	20.4
6	6	3.9
Jumlah	152	100

**Analisis Gaya Pembelajaran**

Secara keseluruhan, gaya pembelajaran visual purata skor adalah antara 2.79 hingga 3.84. Purata jumlah skor bagi gaya pembelajaran dalam kategori visual ialah 3.48 ( $SP=1.03$ ). Purata markah kurang daripada 2.33 iaitu paling rendah menunjukkan bahawa pelajar tidak begitu fokus pada gaya pembelajaran visual mereka. Item tertinggi dengan purata skor 3.84 ( $SP=0.945$ ) ialah item 6, "Saya belajar lebih baik apabila saya membaca apa yang ditulis oleh guru saya di papan hitam". Item yang mendapat markah terendah 2.79 ( $SP=1.120$ ) ialah Item 29, yang menyatakan, "Saya boleh belajar lebih baik dengan membaca buku teks daripada mendengar penerangan guru." Ini menunjukkan bahawa pelajar belajar lebih baik dengan membaca apa yang ditulis di papan tulis daripada membaca buku teks. Berdasarkan lima item ini, tiga item iaitu item 12, 24, dan 29, mempunyai purata skor kurang daripada 3.67. Ini memberi kesimpulan bahawa murid lebih ingat dengan membaca apa yang ditulis di papan tulis dan membaca arahan atau panduan yang diberi.

Secara keseluruhan, skor min bagi gaya pembelajaran auditori adalah antara 3.55 hingga 4.11. Skor min bagi kategori auditori ialah 3.83 ( $SP=0.861$ ). Min yang rendah iaitu kurang daripada 2.33 menunjukkan pelajar kurang berminat dengan gaya pembelajaran auditori. Nilai min tertinggi adalah untuk item 17 skor min tertinggi bersamaan 4.11 ( $SP=0.747$ ) iaitu '747), "Saya

belajar lebih baik apabila guru saya menerangkannya kepada saya". Nilai min terendah adalah untuk item 20 dengan skor min terendah bersamaan 3.55(SP=0.912) iaitu "Saya belajar dengan lebih baik jika saya mendengar sesuatu perkara". Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keterikatan yang lebih kuat dengan apa yang mereka dengar semasa pelajaran disampaikan. Daripada lima item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori auditori, hanya satu item, dan item itu ialah item 20, mempunyai skor min kurang daripada 3.67. Sebanyak 4 item mempunyai skor min lebih daripada 3.67 dan item ini adalah 1, 7, 9, dan 17. Ini menunjukkan bahawa pelajar belajar lebih banyak apabila mereka mendengar daripada guru dan rakan sebaya.

Secara keseluruhan, skor min bagi gaya pembelajaran kinestetik adalah antara 3.33 hingga 4.61. Skor min bagi kategori kinestetik ialah 3.83 (SP=0.901). Min yang tinggi iaitu lebih daripada 2.33 menunjukkan pelajar lebih berminat dengan gaya pembelajaran kinestetik. Nilai min tertinggi adalah untuk item 15 skor min tertinggi bersamaan 4.61 (SP=0.672), "Saya berasa seronok melakukan eksperimen di dalam kelas". Nilai min terendah adalah untuk item 19 dengan skor min terendah bersamaan 3.33 (SP=0.961) iaitu "Saya lebih memahami sesuatu perkara apabila saya mengambil bahagian dalam main peranan". Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih memahami sesuatu dengan mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara langsung.

Hasil kajian ini menunjukkan keutamaan kepada gaya pembelajaran auditori dan kinestetik berbanding gaya pembelajaran visual, dengan min maksimum 3.83 (SP=0.860 dan SP=0. Hasil kajian ini menunjukkan keutamaan kepada gaya pembelajaran auditori dan kinestetik berbanding gaya pembelajaran visual, dengan min maksimum 3.83 (SP=0.860 dan SP=0.903). Tempat kedua ialah kategori visual, dengan markah minimum 3.48 (SP=1.03) seperti dalam Jadual 11.

Jadual 11

*Analisis Min Mengikut Kategori Gaya Pembelajaran*

Kategori Gaya Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai (SP)
Auditori	3.83	0.860
Kinestetik	3.83	0.903
Visual	3.48	1.03

Secara ringkasnya, gaya pembelajaran utama pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih ialah gaya pembelajaran auditori dan kinestetik. Hasil kajian ini merumuskan gaya pembelajaran auditori dan kinestetik paling diaplikasi di kalangan pelajar, diikuti oleh gaya pembelajaran visual. Ia bergantung pada kesesuaian masa dan mata pelajaran yang dipelajari.

Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian lepas Dunn dan Dunn yang berpendapat bahawa faktor-faktor seperti faktor persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Mengikut Dunn dan Dunn (1978), banyak individu menggunakan cara yang unik untuk mempelajari sesuatu. Beliau juga turut mengatakan bahawa keinginan seseorang itu terhadap pembelajaran juga penting.

Menurut Nadia (2021), dalam mata pelajaran sains, minat dan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran tersebut dapat dipupuk melalui gaya pembelajaran kolaboratif. Sememangnya, kemahiran komunikasi dan interaksi, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kerja berpasukan secara tidak langsung dapat diterapkan dalam amalan gaya pembelajaran ini.

Melihat kepada pengamalan gaya pembelajaran yang berbeza ini, kesimpulan boleh dibuat bahawa penggunaan gaya pembelajaran bergantung kepada masa, faktor persekitaran, kandungan pembelajaran, dan ciri fizikal dan mental pelajar yang terlibat. Menurut Ahmad (2020), faktor persekitaran seperti maklumat dan pengetahuan ibu bapa dan guru boleh mengenal pasti status kecerdasan emosi seseorang pelajar dan menggunakan kecerdasan emosi pelajar, seperti gaya pembelajaran, untuk meramal masa depan sangat penting untuk membantu anda menghadapi cabaran yang lebih sukar. Pemilihan gaya pembelajaran di kalangan murid juga dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru di dalam kelas. Maka, guru sentiasa perlu merancang strategi pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran murid supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak anak-anak murid. Sebagai seorang pendidik mereka perlu akur bahawa murid memiliki gaya pembelajaran yang berbeza dan strategi pengajaran guru tidak tercapai untuk semua warga murid. Jadi, guru perlu mahir menggunakan pelbagai kaedah dan aktiviti pengajaran supaya murid dapat belajar dengan lebih berkesan dan menguasai hasil pelajaran dengan lebih baik.

Pemilihan gaya pembelajaran seseorang pelajar juga dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah. Menurut Noor Lela Ahmad et al. (2019), amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 memberi impak positif kepada proses pembelajaran pelajar. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa merancang strategi pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar bagi memenuhi keperluan pelajarnya. Sebagai seorang pendidik, ia perlu diterima bahawa pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan bahawa strategi pengajaran guru tidak akan berfungsi untuk semua pelajar. Oleh itu, guru perlu dilatih dalam penggunaan kaedah dan aktiviti pengajaran yang berbeza untuk membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan dan menguasai hasil pelajaran.

### **Analisis Motivasi**

#### *Analisis motivasi Intrinsik bagi kategori cabaran*

Bahagian ini menjelaskan motivasi intrinsik dalam kategori cabaran di kalangan murid tahun 4 dan 5, Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Hulu Langat. Terdapat sejumlah 7 penilaian dalam kategori ini. Keputusan tinjauan ditunjukkan dalam Jadual 12 di bawah.

## Jadual 12

*Analisis Min Mengikut Motivasi Intrinsik Murid Bagi Kategori Cabaran*

Item	Pernyataan Item	Min	Sisihan (SP)	Piawai	Tahap
3	Semakin sukar sesuatu masalah seronok	1.80	0.965		Rendah
5	Saya mahukan tugas saya menyediakan peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.	2.80	0.800		Sederhana
9	Saya seronok melakukan tugas yang mudah dan tidak rumit.	3.23	0.801		Tinggi
11	Perasasn ingin tahu alalah pendorong utama kebanyakan tuga yang saya lakukan.	2.66	0.790		Sederhana
13	Saya seronok menyelesaikan masalah yang belum saya lakukan.	2.26	0.954		Tinggi
14	Saya lebih suka menlakukan kerja yang saya tahu saya dapat melakukannya dengan baik mengikut kemampuan.	3.04	0.853		Rendah
26	Saya seronok mencuba menyelesaikan masalah yang rumit.	1.89	0.950		Sederhana
Jumlah Purata Min		3.53	0.873		Sederhana

Jadual 12 menunjukkan purata motivasi intrinsik pelajar bagi kategori cabaran. Secara keseluruhannya, purata markah bagi kategori cabaran adalah antara 1.80 hingga 3.23. Purata jumlah markah bagi kategori ini ialah 2.53 (SP=0.873). Purata kurang daripada 3.0 menunjukkan pelajar bermotivasi sederhana bagi kategori ini. Item dengan purata skor tertinggi 3.23 (SP=0.801) ialah item 9, "Saya suka kerja yang ringkas." Item dengan purata skor terendah 1.80 (SP=0.965) ialah item 3, yang menyatakan, "Lebih sukar masalah, lebih menyeronokkan untuk diselesaikan." Ini menunjukkan pelajar gemar melakukan tugas yang mudah.

Daripada jumlah tujuh item dalam kategori ini, kebanyakan item mempunyai purata skor kurang daripada 3.0. Item tersebut ialah 3, 5, 11, 13 dan 26. Kesimpulannya, pelajar mempunyai motivasi yang sederhana untuk menyelesaikan masalah yang kompleks, motivasi yang rendah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, tiada motivasi untuk mengambil minat dalam apa-apa, dan sesetengah pelajar berasa seronok menyelesaikan masalah yang rumit.

*Analisis motivasi Intrinsik bagi kategori keseronakan*

Bahagian ini membincangkan motivasi intrinsik untuk kategori keseronakan dalam tahun 4 dan 5. Terdapat sejumlah 8 item dalam kategori ini. Keputusan tinjauan ditunjukkan dalam Jadual 13.

## Jadual 13

## Analisis Min Mengikut Motivasi Intrinsik Murid Bagi Kategori Keseronakan

Item	Pernyataan Item	Min	Sisihan (SP)	Piawai	Tahap
7	Saya lebih suka merancang sesuatu untuk diri saya	2.70	0.884		Sederhana
8	Saya tidak kisah apakah hasil sesetua tugas yang saya lakukan namun saya tetap berpuas hati jika saya dapat pengalaman baru	2.55	0.905		Sederhana
17	Saya lebih suka kalau saya dapat menentukan matlamat saya sendiri	2.44	0.778		Sederhana
20	Pada saya apa yang penting ialah saya melakukan perkara yang paling saya suka	3.22	0.970		Tinggi
23	Saya seronok melakukan tugas sehingga membuatnya saya lupa melupakan perkara lain	2.14	0.993		Sederhana
27	Mempunyai saluran untuk menunjukkan kemampuan sesuatu yang penting pada saya	3.38	0.898		Sederhana
28	Saya ingin mengetahui setakat mana bagusnya saya dalam melaksanakan tugas saya	2.91	0.833		Sederhana
30	Apa yang penting adalah merasa seronok dengan apa yang saya buat	3.40	0.808		Tinggi
Jumlah Purata Min		2.72	0.884		Sederhana

Jadual 13 menunjukkan purata motivasi intrinsik pelajar bagi kategori keseronakan. Secara keseluruhannya, skor min bagi kategori tersebut adalah antara 2.14 hingga 3.40 secara purata. Purata jumlah skor ialah 2.72 (SP=0.884). Skor purata kurang daripada 3.0 menunjukkan tahap motivasi intrinsik pelajar berminat sederhana dalam kategori ini.

Item dengan purata skor tertinggi 3.40 (SP = 0.808) ialah item 30 yang menyatakan, 'Apa yang penting adalah merasa seronok dengan apa yang saya buat'. Item dengan purata skor terendah 2.14 (SP = 0.993) ialah item 23 yang menyatakan, "Saya seronok melakukan tugas sehingga membuatnya saya lupa perkara-perkara lain". Daripada ini dapat disimpulkan bahawa pelajar tidak akan seronok dengan tugas mereka jika wujudnya keadaan di mana perlu mengabaikan perkara lain.

Daripada lapan item yang disediakan dalam kategori motivasi intrinsik untuk keseronakan, kebanyakan item mempunyai skor min kurang daripada 3.0 dan item ini adalah item 7, 8, 17, 23, 27, dan 28. Secara keseluruhannya, skor purata bagi kedua-dua item ialah 3.0 dan item-item ialah 20 dan 30. Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang bermotivasi untuk menetapkan matlamat, bermotivasi sederhana untuk menyelesaikan tugas, dan berminat untuk mendapatkan pengalaman baharu, menikmati tugas, menunjukkan kebolehan mereka, dan hasil penyempurnaan tugas mereka.

## Analisis Motivasi Ekstrinsik Bagi Kategori Luaran

Bahagian ini menjelaskan motivasi ekstrinsik dalam kategori luaran dalam kalangan murid tahun 4 dan 5, Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Hulu Langat. Sebanyak sepuluh item disediakan untuk kategori ini. Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 14 berikut.

Jadual 14

*Analisis Min Mengikut Motivasi Ekstrinsik Bagi Kategori Luaran*

Item	Pernyataan Item	Min	Sisihan (SP)	Piawai	Tahap
1	Saya tidak begitu mengambil berat tentang apa yang orang lain fikir	2.08	0.793		Sederhana
2	Saya lebih suka orang lain menentapkan matlamat yang jelas untuk saya daripada tugas saya	2.01	0.793		Sederhana
6	Pada saya kejayaan bemaksud melakukan sesuatu dengan lebih baik daripada orang lain	2.56	0.795		Sederhana
12	Saya kurang mengambil berat dengan tugas yang saya buat berbenasing dengan apa yang aka saya dapat daripadanya.	2.03	0.864		Sederhana
15	Saya mengambil berat tentang bagaimana orang lain akan meberi reaksi kepada idea saya	2.57	0.932		Sederhana
18	Saya percaya bahawa tidak ada guna membuat sesuatu kerja dengan baik jika orang lain tidak mengetahuinya	1.84	0.790		Rendah
21	Saya lebih suka bekerja dalam tugas yang daripada orang lain	3.18	0.877		Tinggi
24	Saya sangat dimotivasi oleh penghargaan daripada orang lain	2.68	0.931		Sederhana
25	Saya merasakan bahawa apa yang patut mendapat sesuatu hasil daripada apa yang saya buat	2.61	2.542		Sederhana
29	Saya mahu orang lain tahu setakat mana kemampuan saya dalam melaksanakan sesuatu tugas	2.26	0.873		Sederhana
Jumlah Purata Min		2.38	1.019		Sederhana

Secara keseluruhannya, skor min bagi kategori luar adalah antara 1.84 hingga 3.18. Purata markah keseluruhan bagi kategori luar ialah 2.38 (SP=1.019). Purata purata kurang daripada 3.0 menunjukkan bahawa motivasi pelajar untuk kategori luar adalah sederhana. Item dengan purata skor tertinggi 3.18 (SP = 0.877) ialah item 21, "Saya ingin mengerjakan tugas yang dijelaskan dengan jelas." Item dengan nilai purata terendah iaitu 1.84 (SP = 0.790) ialah item "Saya rasa tiada gunanya berbuat baik jika orang tahu mengenainya." Ini merumuskan bahawa pelajar seronok menyelesaikan tugas yang diterangkan dengan jelas, tetapi tidak berminat dengan tugas itu jika orang lain tidak biasa dengannya.

Daripada 10 item motivasi ekstrinsik dalam kategori luar, terdapat 9 item dengan skor min kurang daripada 3.0, dan item ini adalah item 1, 2, 6, 12, 15, 18, 24, 25, dan 29. Skor purata melebihi 3.0 dan item adalah item 21. Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang mengambil berat tentang pandangan orang lain terhadap tugas mereka, persaingan dalam menyelesaikan tugas, reaksi terhadap kepercayaan orang lain, dan penilaian orang lain terhadap tugas kepercayaan orang lain tentang penyempurnaan mereka dan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas. Walau bagaimanapun, pelajar suka bekerja dalam tugas yang jelas penerangan.

#### *Analisis Motivasi Ekstrinsik Bagi Kategori Ganjaran*

Bahagian ini menerangkan motivasi ekstrinsik dalam kategori ganjaran dalam kalangan tahun 4 dan 5, Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Hulu Langat. Sebanyak 5 item disediakan bagi kategori ini. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 15 berikut.

Jadual 15

#### *Analisis Min Mengikut Motivasi Ekstrinsik Bagi Kategori Ganjaan*

Item	Pernyataan Item	Min	Sisihan (SP)	Piawai	Tahap
4	Saya amat menyedari matlamat berkenaan dengan markah (gred) yang saya buat untuk diri saya	2.90	0.770		Sederhana
10	Saya sangat jelas dengan matlamat pencapaian prestasi (gred) yang saya buat untuk diri saya	2.78	0.736		Sederhana
16	Saya jarang memikirkan tentang pencapaian dan penghargaan (Hadiah)	2.34	0.790		Sederhana
19	Saya sangat dimotivasi oleh markah(gred) yang saya dapat	2.86	0.746		Sederhana
22	Sealagi saya boleh melakukan apa yang saya suka saya tidak begitu kisah dengan gred yang saya terima.	2.10	0.867		Sederhana
Jumlah Purata Min		2.38	1.019		Sederhana

Secara keseluruhan, skor min untuk kategori ganjaran adalah antara 2.10 hingga 2.90. Purata jumlah markah bagi aspek ganjaran ialah 2.60 (SP=0.782). Nilai min kurang daripada 3.0 menunjukkan motivasi pelajar sederhana dalam kategori ganjaran. Item dengan skor purata tertinggi ialah 2.90 (SP=0.770), iaitu item 4, "Saya amat menyedari matlamat berkenaan dengan markah (gred) yang saya buat untuk diri saya". Skor purata terendah ialah 2.10 (SP= 0.867) ialah item 22, "Selagi saya boleh melakukan apa yang saya suka, saya tidak begitu kisah dengan gred yang saya terima". Ini menunjukkan bahawa pelajar berhasrat untuk menetapkan gred mereka sendiri dan mereka juga mengambil berat tentang gred mereka. Daripada lima item yang dibuat dalam kategori motivasi ekstrinsik untuk ganjaran, item 4, 10, 16, 19, dan 22 semuanya mempunyai purata skor kurang daripada 3.0. Berkenaan matlamat berkaitan prestasi yang telah ditetapkan adalah gred atau pencapaian yang telah pelajar capai. Tetapi pelajar tidak boleh tidak memikirkan tentang pencapaian dan anugerah.

### **Analisis Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian 4: Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran murid (visual, auditori, dan kinestetik) dengan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?

Jadual 16 menunjukkan hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar. Aras keertian  $\alpha=0.01$  telah dipilih untuk mencari korelasi. Nilai  $p=$  dicapai melalui gaya pembelajaran dan motivasi pelajar, dengan nilai  $\alpha$  kurang daripada 0.01. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan motivasi ialah  $r = 0.366$  dan  $p = \leq 0.001$ . Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan hubungan korelasi yang rendah antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan secara positif antara gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik (Kaviza, 2019). Kajian ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran menyumbang kepada motivasi dalam diri murid. Sehubungan dengan itu, guru perlu memainkan peranan penting dalam memahami gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar agar dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran serta menyediakan kaedah pengajaran yang sesuai. Para pendidik digalakkan untuk memahami sifat pembelajaran pelajar bagi memastikan proses pembelajaran yang berkesan. Kajian ini menunjukkan gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik merupakan faktor utama yang perlu dititikberatkan dalam proses bercerita dalam pembelajaran sejarah. Oleh itu, guru sejarah memainkan peranan penting dalam memahami gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajarnya agar dapat meningkatkan minat dan motivasi mereka dalam proses pembelajaran serta menyediakan kaedah pengajaran yang sesuai. Para pendidik digalakkan untuk mengetahui jenis pembelajaran yang pelajar lakukan untuk memastikan proses pembelajaran yang berkesan.

Jadual 16

*Korelasi Gaya Pembelajaran Murid Dengan Motivasi*

<b>Korelasi</b>		<b>Gaya pembelajaran</b>	<b>Motivasi</b>
Gaya pembelajaran	Pearson correlation	1	.366**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	152	152
Motivasi	Pearson correlation	.366**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	152	152

\*\*Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

### **Analisis Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Murid**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian 5: Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran murid (visual, auditori, dan kinestetik) dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?

Jadual 17 menunjukkan hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan prestasi akademik. Aras keertian  $\alpha=0.01$  telah dipilih untuk mencari korelasi. Nilai  $p$  yang diperoleh daripada gaya pembelajaran motivasi pelajar adalah kurang daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Hasil kajian ini menunjukkan hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan prestasi akademik ialah  $r = 0.389$  dan  $p = \leq 0.001$ . Ini menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan dan hubungan yang rendah antara gaya pembelajaran pelajar dengan prestasi akademik.

Dapatan kajian ini agak berbeza dengan Gohar dan Sadeghi (2015) dan Razzak et al., (2019) di mana mereka mendapat tidak signifikan perbezaan pencapaian akademik pelajar Iran dan paksitan dengan gaya pembelajaran yang berbeza. Menurut Anas et al. (2021) juga mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jenis gaya pembelajaran menyumbang secara langsung kepada prestasi akademik murid dalam kajian ini. Dapatan kajian ini selari dengan Snyder (1999) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan korelasi yang positif antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik murid.

Prestasi akademik adalah sangat penting dalam menilai sejauh mana pelajar boleh menggunakan gaya pembelajarannya, dan adalah penting untuk memastikan masa depan pelajar itu sempurna. Pengetahuan dan penguasaan literasi dan pendidikan merupakan aset penting untuk pembangunan negara pada masa hadapan, maka ini merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap murid. Kajian oleh Muhamad Shafiq dan Noraini (2018) mendapat bahawa terdapat perkaitan yang signifikan gaya pembelajaran dengan prestasi pelajar di sekolah. Oleh demikian, jelas menunjukkan bahawa gaya pembelajaran adalah penting untuk diberikan tumpuan bagi memastikan proses pembelajaran lebih menarik minat pelajar

Jadual 17

*Korelasi Gaya Pembelajaran Murid Dengan Pencapaian Akademik*

<b>Korelasi</b>		<b>Gaya pembelajaran</b>	<b>Pencapaian akademik</b>
Gaya pembelajaran	Pearson correlation	1	.389**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	152	152
Pencapaian akademik	Pearson correlation	.389**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	152	152

\*\*Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

**Analisis Hubungan Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Murid**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian 6: Adakah terdapat hubungan antara motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah di Semenyih, Hulu Langat?

Jadual 18 menunjukkan hubungan antara motivasi pembelajaran dengan prestasi akademik pelajar. Aras keertian  $\alpha=0.01$  telah dipilih untuk mencari korelasi. Nilai p bagi motivasi belajar gaya pelajar adalah lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Hasil kajian ini menunjukkan hubungan antara motivasi belajar dengan prestasi akademik ialah  $r = 0.016$  dan  $p = \geq 0.001$ . Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi belajar dengan prestasi akademik. Dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hasan Afzal et al. (2010), Zahra Ghaedi dan Bashir Jam (2014) mndapat motivasi mempunyia hubungan yang positif dengan prestasi akademik pelajar. Oleh hal demikian didapati bahawa dalam konteks kajian ini motivasi tidak memainkan peranan terhadap prestasi akademik murid dalam kajian ini.

Hasil kajian ini disokong oleh Yahaya (2012) yang mendapat motivasi intrinsik dan faktor prestasi merupakan faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi

pelajar untuk belajar, gaya keibubapaan, sikap, dan prestasi sekolah. Terdapat dua sebab motivasi untuk belajar. Yang pertama adalah motivasi untuk berjaya dan yang kedua adalah mengelakkan hukuman. Pemilihan motif ini bergantung kepada kehendak pelajar. Motivasi pelajar mungkin bukan motivasi untuk kejayaan kajian ini. Oleh itu, motivasi untuk belajar tidak menyumbang kepada prestasi akademik seseorang pelajar.

Jadual 18

*Korelasi motivasi belajar dengan pencapaian akademik*

<b>Korelasi</b>		<b>Motivasi</b>	<b>Pencapaian akademik</b>
Motivasi	Pearson correlation	1	0.16
	Sig. (2-tailed)		.845
	N	152	152
Pencapaian akademik	Pearson correlation	0.16	1
	Sig. (2-tailed)	.845	
	N	152	152

\*\*Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

**Cadangan**

Sekolah dapat membimbing pelajar untuk mempraktikkan gaya belajar yang sesuai dan merangsang minat belajar mereka dengan menjalankan berbagai kegiatan yang bermanfaat bagi mereka. Contoh bengkel dan seminar yang relevan yang memotivasi pembelajaran. Sekolah dapat menjemput pakar bahasa untuk menjalankan program tersebut. Program semacam itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang bagaimana dan mengapa mereka belajar.

Selain memotivasi pelajar, bahkan guru juga boleh mengambil bahagian dalam bengkel seperti itu. Sebagai pendidik yang berdedikasi, mereka perlu memahami bagaimana murid belajar dan tingkat motivasi mereka. Guru perlu merancang pengajaran yang lebih berkesan sesuai dengan gaya belajar dan tahapan motivasi pelajar untuk mencapai tujuan pembelajaran dengan sempurna. Strategi pembelajaran yang menyenangkan dapat meningkatkan motivasi pelajar.

Unit kaunseling sesebuah sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam membimbing seseorang murid dengan menarik minat murid menyertai sesi peningkatan sikap kendiri. Melalui bimbingan ini, murid berpeluang mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri dalam pelajaran. Kepercayaan pada diri sendiri sangat penting dalam mewujudkan pemikiran positif untuk menjalani kehidupan sebagai seorang murid yang berjaya. Guru kaunseling menjadi tiang sokongan pada para murid untuk menghala ke tangga kejayaan.

Aspek yang paling penting dalam pembentukan murid yang sempurna adalah sikap dan kesedaran murid itu sendiri. Sebagai seorang murid, mereka perlu sentiasa mencari ilmu untuk meningkatkan pengetahuan dalam memilih gaya pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian demi pencapaian akademik terbaik. Murid perlu berinisiatif sendiri untuk mengaji gaya pembelajaran dan teknik pembelajaran yang sesuai dengan diri sendiri. Di samping itu, murid juga perlu didedahkan dengan pengetahuan yang secukupnya berkenaan gaya pembelajaran supaya mereka dapat mengenal gaya pembelajaran dengan lebih mendalam. Akhirnya, murid perlu berazam kuat dalam memperbaiki apa jua kelemahan dalam diri masing-masing.

### Kesimpulan

Secara ringkasnya, kajian ini untuk melihat sejauhmana kesan gaya pembelajaran dan psikologi iaitu motivasi prestasi akademik murid sekolah rendah. Dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran memainkan peranan terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah rendah. Manakala dapatan sebaliknya menunjukkan bahawa motivasi tidak membantu kearah pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah rendah dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, pencapaian akademik murid perlu diberikan penekanan yang khusus mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu Dan Sains. Selain itu, gaya pembelajaran kinestetik merupakan gaya pembelajaran yang popular dalam kalangan murid dalam kajian ini. Diikuti dengan pembelajaran auditori dalam kalangan murid dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Sains. Dalam masa yang sama pembentukan motivasi Intrinsik perlu disemai dengan lebih berkesan bagi memberi memainkan peranan yang kuat dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Penekanan motivasi intrinsik perlu lebih kuat daripada motivasi ekstrinsik bagi memastikan kesan jangka panjang dalam pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian akademik murid. Sehubungan dengan itu, guru perlu memainkan peranan dengan memberi pendedahan yang beul dan tepat serta berseusuaian tentang gaya pembelajaran yang sesuai bagi setiap mata pelajaran bagi memastikan kesan kepada pencapaian akademik dengan secara positif. Selain itu proses memantapkan motivasi intrinsik murid diberikan tumpuan secara menyeluruh. Dengan kesedaran yang mendalam k dalam kalangan murid mampu mencipta perubahan yang lebih positif. Seterusnya dapat meningkatkan kualiti pencapaian akademik murid.

### References

- Ahmad, A. A. (2020). Gaya Pembelajaran dan Persekutaran Sekolah serta Perkaitannya Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 141 - 148.
- Amabile, T. M. (1987). Model of creativity and innovation in organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123-167.
- Anas, N., Mohd Isa, N. S., Omar, N., Mohd Fatzel, F. H., & Mohd Ghazali, Z. (2021). The relationship between students' learning styles and academic performance: Final year accounting students. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(1), 1-9. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.1.2021>
- Chew Meng Li & Faridah Mydin Kutty (2023). Hubungan antara Motivasi dengan Pencapaian Matematik Murid Tahun Lima. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002219. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2219>
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Reston Publishing.
- Farah Wazera, M. J. S., & Mohammad Mujaheen, H. (2021). Konsep kendiri dan gaya pembelajaran terhadap motivasi akademik dalam kalangan mahasiswa. *Malaysia Journal of Social Science and Humanities*, 6(2), 75-105. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.683>
- Ganesan, P., & Wan Mohammad, W. (2021). Motivasi murid India terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203-212.
- Gohar, M. J., & Sadeghi, N. (2015). The Impact of Learning Style Preferences on Foreign Language Achievement: A Case Study of Iranian EFL Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 171, 754-764. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.188>

- Hasan Afzal, Imran Ali, Muhammad Aslam Khan, & Kashif Hamid (2010). A Study of University Students' Motivation and Its Relationship with Their Academic Performance. *International Journal of Business and Management*, 5(4), 80-88.
- Honey, P., & Mumford, A. (1992). *The manual of learning styles*. Peter Honey Publications.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran, & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28.
- Kaviza, M. (2019). Pengaruh antara gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran sejarah: Satu tinjauan di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 98-108.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Mahmud, D. J. (2021). Minat, Tingkah Laku Disruptif dan Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 49-64.
- Maryam Muhammad. (2016). Pengaruh motivasi dalam pembelajaran. *Lantanida Journal*, 4(2), 87-97.
- Muhamad Shafiq Mohd Razali, & Noraini. Abdol. Raop (2018). Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sarjana muda psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim). *Jurnal Fakulti Sains Sosial Kolej Universiti Islam Melaka*, 77-87.
- Nadia Abdul Rahim (2021). Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 57-66.
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid, & Rohaila Yusof S. S. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counceling*, 28-51.
- Nora'Azian Nahar, & Fadzillah Abd. Rahman (2018). Tahap profisiensi bahasa melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287-316
- Omardin Ashaari (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Utusan.
- Razzak, F., Shaikh, S., & Siddiqui, A. (2019). Exploring effects of learning styles on learning outcomes. *New Horizons* (1992-4399), 13(1), 13-30. [https://doi.org/10.2.9270/NH.13.1\(19\).02](https://doi.org/10.2.9270/NH.13.1(19).02)
- Reid, J. M. (1984). *Perceptual Learning Style Preference Questionnaire*. University of Wyoming, Department of English.
- Rumhadi, T. (2017). Urgensi motivasi dalam proses pembelajaran. *Jurnal Diklat Keagamaan*, 11(1), 328.
- Shiau Ching, L., & Tahar, M. (2021). Penggunaan Peralatan Multisensori Buku Audio Dalam Meningkatkan Minat Murid-murid Masalah Pembelajaran Terhadap Membaca. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 530-536.
- Peterson P. L. (1979). Aptitude × Treatment interaction effects of teacher structuring and student participation in college instruction. *Journal of Educational Psychology*, 71, 521–533.
- Singh, R. K. (2012). *Panduan Ilmu Pendidikan untuk DPLI Falsafah dan Etika*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

- Steinmayr, R., Meißner, A., Weidinger, A.F., & Wirthwein, L. (2015). Academic Achievement. Oxford Bibliographie; Oxford University Press.
- Stewart, K. L., & Felicetti, L. A. (1992). Learning style of marketing majors. *Educational Research Quarterly*, 15(2), 15-23.
- Snyder, R. F. (1999). The relationship between learning styles/multiple intelligences and academic achievement of high school students. *The High School Journal*, 83(2), 11-20.
- Yahaya, N. A. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 30-57.
- Wan Naliza Wan Jaafar, S. M. (2020). Hubungan antara motivasi dengan pencapaian matematik dalam kalangan murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 30-48.
- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001288. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Zahra Ghaedi dan Bashir Jam (2014). Relationship between Learning Styles and Motivation for Higher Education in EFL Students. *Theory and Practice in Language Studies*, 4(6), 1232-1237. <https://doi.org/10.4304/tpls.4.6.1232-1237>